

Tak timbul isu PM campur tangan pelantikan Ketua Hakim Negara

BERITA HARIAN 17 JUL 2025 m/s:7

Peranan Perdana Menteri menasihati Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tidak timbul isu Perdana Menteri campur tangan dalam urusan pelantikan Ketua Hakim Negara memandangkan peranan itu adalah tugas perundangan yang perlu dilaksanakan beliau seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman, berkata mengikut Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri berperanan menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam urusan pelantikan hakim atasan.

Justeru, katanya, tindakan per-

dana menteri menjalankan fungsi mengikut Perlembagaan itu tidak boleh dianggap sebagai campur tangan dalam perkara berkenaan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong.

Katanya, menggunakan frasa 'campur tangan' terhadap Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ketua hakim negara adalah tidak tepat.

"Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan Perdana Menteri tidak campur tangan, sebaliknya perlu menjalankan tanggungjawab perundangan bagi mengendalikan urusan pelantikan ini. Ia adalah antara kewajipan perlu dilaksanakan Perdana Menteri.

"Perkara ini lebih kepada isu pemilihan perkataan, selain campur tangan tidak sesuai dan agak berat menggambarkan tugas Perlembagaan perlu dilaksanakan Perdana Menteri dalam hal ini.

"Frasa campur tangan hanya sesuai digunakan, jika Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan apa-apa kuasa kepada Perdana Menteri dalam urusan berkenaan," katanya kepada *BH*.

Abu Talib berkata, semua pi-

hak perlu akur peranan Perdana Menteri menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Ketua Hakim Negara memandangkan tugas itu diperuntukkan dalam Perlembagaan.

"Biarpun Perdana Menteri perlu menasihati Yang di-Pertuan Agong, ini tidak bermakna baginda boleh mengetepikan pandangan Majlis Raja-Raja dalam urusan pelantikan berkenaan.

"Baginda perlu bertindak mengikut keputusan yang dimuktamad dalam Mesyuarat Raja-Raja, selepas menerima nasihat Perdana Menteri," katanya.

Kebebasan tak tergugat

Sementara itu, pakar Perlembagaan, Datuk Lukman Sheriff Alias, berkata kebebasan institusi kehakiman tidak tergugat ketika ada pihak mendakwa wujud campur tangan dalam urusan pelantikan itu.

Beliau berkata, sejak merdeka, semua Ketua Hakim Negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau juga menafikan dakwa-

an kebebasan institusi kehakiman tergugat akibat kekosongan jawatan Ketua Hakim Negara kerana negara ada undang-undang khusus mentadbir keadaan sedemikian.

"Memang budi bicara Perdana Menteri mencadangkan (Ketua Hakim Negara), manakala Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman (JAC) sejak 2009, memainkan peranan mencadangkan nama kepada Perdana Menteri.

"Peranan Perdana Menteri sudah termaktub dalam Perlembagaan dan kebebasan kehakiman tidak patut dikatakan tergugat semata-mata peruntukan Perlembagaan diikuti.

"Kita sudah ada undang-undang untuk menangani ketiadaan Ketua Hakim Negara. Sebab itu Tan Sri Hasnah Mohammed Hashim (Hakim Besar Malaya) memangku jawatan Ketua Hakim Negara dengan sah.

"Pemangkuan jawatan bukan menggugat kebebasan kehakiman. Hakim masih bebas daripada pengaruh luar seperti sebelum kekosongan," katanya.

Lukman Sheriff juga berkata, tidak melanjutkan khidmat bekas Ketua Hakim Negara, Tun

Tengku Maimun Tuan Mat selama enam bulan tidak menggugat insituti kehakiman dan dakwaan itu tidak berasas.

"Dakwaan sama tidak timbul apabila kontrak bekas Ketua Hakim Negara terdahulu tidak dilanjutkan, selain penyandang jawatan itu perlu bersara wajib apabila berusia 66 tahun, seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan, kecuali dilanjutkan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

"Maka lanjutan bukan automatik dan Perlembagaan sudah bayangkan ini akan berlaku serta tidak bermakna tidak melanjutkan (khidmat) menggugat kebebasan kehakiman," katanya.

Beliau berkata persoalan kritikal ialah siapa yang akan dilantik sebagai Ketua Hakim Negara.

"Jika individu berkelayakan, berpengalaman, bereputasi, berintegriti dan sebagainya, ini sepatutnya tiada masalah dan kebebasan kehakiman tidak patut dipertikaikan.

"Sekiranya tidak layak dan mengikut proses, maka lumrah pelantikan berkenaan akan dipertikaikan," katanya.